

Rumah anak yatim perlukan bantuan



PELAJAR IKBN, USIM dan UPM bergambar kenangan dengan pengurusan Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin serta tetamu selepas majlis sentuhan kasih di Kuala Langat, Selangor, baru-baru ini.

DEMI memastikan seramai 70 anak yatim dan asnaf yang menghuni Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin, Kuala Langat, Selangor hidup dalam suasana selesa, segalanya dilakukan oleh insan mulia bernama **Molyana Mahmud**, 60, sejak lebih 10 tahun yang lalu.

Menurut Molyana, pada masa ini, rumah tersebut memerlukan penambahan prasarana kerana penghuninya terdiri daripada lelaki dan perempuan yang memerlukan kediaman yang sempurna.

"Kami memerlukan suntikan dana kira-kira RM20,000 untuk membesarkan rumah ini agar ia menjadi kediaman lebih selesa untuk 70 penghuni pelbagai usia," katanya selepas program Sentuhan Kasih Pelajar-pelajar dari Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM)

di Kanchong Darat, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Koordinator Dewan Undangan Negeri (DUN) Morib, Hisham Mohd. Talib dan Timbalan Pengarah IKBN (Pengurusan Latihan), Khairul Azhar Abd. Rahim.

Molyana berkata, pihaknya terharu dengan kehadiran pelatih IKBN dan pelajar pusat pengajian tinggi yang bertungkus lumus mengecat semula rumah tersebut serta memperbaiki pintu tandas serta memberi sumbangan perabot.

"Penghuni-penghuni di sini saya jaga seperti anak-anak saya sendiri. Amat berharap agar bantuan dana pembinaan bangunan mampu memberikan keselesaan kepada anak-anak ini semua," katanya.

Orang ramai yang ingin menderma boleh berbuat demikian dengan menghubungi Molyana, 019-9587034. - **ABDUL RAZAK IDRIS**